SIARAN AKHBAR

BRUNEI DARUSSALAM ISLAMIC FINANCE (BDIF) SYMPOSIUM 2026

Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan
Rabu, 8 Jamadilakhir 1448, bersamaan dengan 18 November 2026

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan kerjasama Universiti Islam Sharif Ali (UNISSA), International Islamic University Malaysia (IIUM), INCEIF University, dan Perbanas Institute sebagai penganjur bersama bagi inisiatif Call-for-Papers (CFP) kali ketiga dan Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) sebagai Rakan Kongsi Simposium, telah menganjurkan Brunei Darussalam Islamic Finance (BDIF) Symposium 2026, yang bertemakan "Innovating Sukuk for Sustainable and Inclusive Growth".

2. Simposium ini merupakan platform untuk membincangkan perkembangan landskap kewangan Islam, dengan mengetengahkan perkembangan terkini, cabaran, dan peluang dalam bidang industri berkenaan. Simposium ini juga bertujuan untuk memperkukuh kerjasama antara pengamal industri, ahli akademik dan sektor awam melalui perkongsian pengetahuan, penyelidikan akademik serta penyediaan peluang bagi penyelidikan, penerbitan dan pengiktirafan hasil kajian.

3. Majlis tersebut telah dihadiri oleh lebih daripada 200 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, pengamal industri kewangan, ahli-ahli akademik, serta penuntut daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa.

4. Turut hadir ialah Yang Mulia Profesor Madya Dr Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), bersama Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ahli-ahli Lembaga Pengarah BDCB dan Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), pegawai-pegawai kanan kerajaan, BDCB dan institusi-institusi kewangan serta peserta-peserta CFP.

5. Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Yang Mulia Ustaz Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, Pegawai Pelajaran Tarannum, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

6. Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Pengarah Urusan BDCB. Dalam ucapannya, beliau mengetengahkan pertumbuhan berterusan sektor kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam serta peranan penting sukuk dalam menyokong pelaburan produktif dan pembangunan ekonomi yang mampan. Beliau turut menekankan usaha berterusan BDCB dalam memperkukuh pasaran modal domestik, termasuk langkah-langkah untuk memudah cara penerbitan sukuk korporat, di samping mengetengahkan potensi sukuk runcit dan inovasi digital dalam memperluas penyertaan pelabur serta meningkatkan capaian kepada pasaran modal. Beliau seterusnya mengalu-alukan peningkatan penyertaan antarabangsa dalam BDIF CFP, dengan jumlah penghantaran kertas penyelidikan penuh meningkat daripada 29 pada tahun 2025 kepada 43 pada tahun 2026.

7. Yang Mulia Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu bersama Profesor Madya Dr Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani kemudian merasmikan pelancaran edisi ketiga Islamic Economics International Refereed Journal, diterbitkan sebagai edisi khas (Vol. 4, No. 1, November 2026), yang menampilkan kertas-kertas penyelidikan terpilih daripada inisiatif CFP 2026. Jurnal tersebut mengetengahkan sumbangan penyelidikan daripada ahli akademik, pengamal industri dan penuntut mengenai perkembangan utama dalam kewangan Islam, sekali gus menekankan kepentingan penyelidikan dan perkongsian ilmu dalam memajukan industri kewangan Islam.

8. Simposium turut mengiktiraf sumbangan penyelidikan yang cemerlang melalui Majlis Penyampaian Anugerah Kertas Terbaik. Anugerah Kertas Terbaik (Kategori Profesional) diraih oleh Yang Mulia Assistant Professor Ima Dwitawati dari Indonesia bagi kertas bertajuk "Digital Halal Ecosystem as a Foundation for Sustainable Sukuk Innovation and MSMEs Inclusivity". Sementara itu, Anugerah Kertas Terbaik (Kategori Penuntut) pula dimenangi oleh Yang Mulia Ratu Shaima binti Yumni dari Malaysia bagi kertas bertajuk "Mobilising Shariah-Compliant Capital for Carbon Capture: A Maqasid-Based Framework for Transition Finance in Hydrocarbon-Dependent Emerging Markets". Tiga kertas penyelidikan terbaik daripada setiap kategori juga telah dibentangkan, sekali gus menyediakan platform kepada para peserta untuk berkongsi hasil penyelidikan dan pandangan masing-masing.

9. Seterusnya, majlis menampilkan pembentangan ucaptama oleh Yang Mulia Associate Professor Dr Ziyaad Mahomed, Lead Researcher for the Centre of Excellence in Social Finance dan Head of Online Programs di INCEIF University, Malaysia, bertajuk "Positioning Sukuk as a Strategic Enabler of Islamic Finance Development".

10. Simposium turut menampilkan sesi perbincangan panel bertajuk "The Evolving Sukuk Market: *International Insights and Opportunties for Brunei Darussalam"* yang dikendalikan oleh Yang Mulia Hajah Nurhuaida Fakhriah binti Haji Damit, Ketua Ekonomi dan Pengawasan, BDCB, selaku moderator. Ahli-ahli panel terkemuka terdiri daripada Yang Mulia Dr Azrul Azlan Iskandar Mirza, Timbalan Pengarah (Islamic Capital Market) dan Ketua Bahagian Shariah, Securities Commission Malaysia, Dr Ayaz Ismail, Pengarah, Islamic Wholesale Banking, CIMB Islamic Bank, Malaysia, Yang Mulia Jason Wong, Pengarah Urusan, BIBD Securities Sdn Bhd; dan Yang Mulia Associate Professor Dr Ziyaad Mahomed. Sesi tersebut mengetengahkan pandangan megenai masa depan sukuk, perkembangan pasaran serantau serta peluang bagi Negara Brunei Darussalam, termasuk aspek kesediaan rangka kerja kawal selia, pasaran dan ekosistem yang diperlukan bagi menyokong pembangunan pasaran sukuk yang dinamik dan mampan.

11. Selaras dengan tema simposium, sesi pembentangan kertas penyelidikan akan diadakan pada sebelah petang pada 18 November 2026 dan diteruskan pada 19 November 2026. Sesi-sesi ini akan memberi peluang kepada para peserta untuk mendalami isu-isu utama dalam bidang kewangan Islam melalui perbincangan dan perkongsian pandangan yang lebih menyeluruh.

Brunei Darussalam Central Bank
Tarikh: 8 Jamadilakhir 1448H/ 18 November 2026M
Rujukan: BDCB/COMMS/3